



UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(B)

No. Semakan: 02

Tarikh Kkuatkuasa: 18/05/2020

SURAT PELAWAN SEBUT HARGA KERJA

NO. RUJUKAN FAIL : UKM.JPP.200-3/2/24
TARIKH : 4 JUN 2020
NO. SEBUT HARGA : UKM/JPP/A/SH- 32/2020
TAJUK : PROJEK PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE 2020) :
CADANGAN UBAHSUAI RUANG SEDIADA DAN RUANG TAMBAHAN DI
INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM BANGI (PAKEJ 1)

Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIM / CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dan juga tidak mempunyai kerja semasa untuk membuat tawaran kerja berikut:-

SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH, TEMPAT DAN WAKTU LAWATAN TAPAK	TARIKH JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
LPIM/CIDB Gred : G3 Kategori : B Pengkhususan : B04	RM 20.00	TIDAK DIWAJIBKAN	9 JUN 2020	16 JUN 2020


Taklimat dan lawatan tapak adalah **tidak diwajibkan** kepada semua penyebut harga. Sekiranya ada keperluan boleh hubungi pegawai/unit berkenaan di nombor berikut:

Nama : Pn. Marini Md. Din
No. telefon : 03-8921 5838

2. Dokumen sebut harga dijual dalam bentuk salinan lembut (soft copy) dengan harga seperti yang dinyatakan di atas. Bayaran dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara pindahan wang ke Akaun Bank **CIMB Universiti Kebangsaan Malaysia 80-0223430-7**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan. **Kontraktor hendaklah melampirkan bukti pembayaran, salinan sijil perakuan pendaftaran dengan CIDB / SSM / MOF dan Sijil Bumiputera (jika berkaitan) ke emel zonkewanganjpp@ukm.edu.my dengan menyatakan nama syarikat, emel syarikat dan no. sebut harga yang ingin dibeli.** Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima dan disahkan. Tempoh pembayaran adalah pada tarikh berikut sahaja :

3. Dokumen sebut harga yang sempurna diisi termasuk segala dokumen yang diperlukan (jika berkenaan) hendaklah dimasukkan ke **Peti Sebutharga di Prasarana-UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan** sebelum jam **12.00 tengah hari**.

Sekian, terima kasih.


En. Mohd Baki Jais
Ketua Unit Arkitek
b.p. Pengarah

s.k.

Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
(up: **En. Baharuzaini Baharin**)

Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
(up: **Pn. Nadia Mohd Ali**)

Penolong Akauntan, Prasarana-UKM
(up: **Pn. Saliza Sahril**)

Kehadiran tuan / puan untuk membuka
sebutharga pada tarikh dan masa tutup yang
dinyatakan di atas adalah dihargai

Pengarah

Untuk makluman

Prasarana-UKM

Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Hamidon Wan
Badaruzzaman

Timbalan Pengarah

Untuk makluman

(Penyelenggaraan dan Operasi)

(up: En. Herwan Sham Harun)

Ketua Unit Ukur Bahan

Untuk makluman dan tindakan tuan

(up: En. Mohd Faizal Abdul Rahim)

Penolong Pegawai Senibina, Prasarana-UKM

(up: **Pn. Marini Md Din**)

Puan Fatahiyah Zainal

Dikemukakan untuk perhatian dan tindakan

Webmaster,
Prasarana-UKM

Encik Mohd Naqiyuddin Idris


Sukacita pihak tuan uruskan penjualan

Pembantu Tadbir (Kewangan)

Dokumen Sebutharga dan pengiklanan di

Prasarana-UKM

Papan Kenyataan

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03	No. Semakan: 02	Tarikh Kkuatkuasa: 18/05/2020
	ISI KANDUNGAN SEBUT HARGA		

UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(A)	Senarai Semak Sebut Harga
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(B)	Surat Pelawaan Sebut Harga Kerja
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(C)	Arahan Kepada Penyebut Harga
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(D)	Syarat-Syarat Sebut Harga Kerja
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(D1)	Syarat-Syarat Tambahan Berkaitan Pandemik Covid-19
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(E)	Borang Sebut Harga Kerja
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(F)	Ringkasan Sebut Harga
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(G)	Spesifikasi
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(H)	Lukisan
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(J)	Maklumat Am Penyebut Harga
UKM-SPKP-JPP-PK03-BO03(K)	Surat Akuan Pembida
	Surat Akuan Pembida Tidak Mempunyai Kerja Semasa Dan Pematuhan SOP PKP
	Senarai Kontraktor Panel Berpusat Perabot (Zon Tengah)

Dokumen Meja Sebut Harga



UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(A)

No. Semakan: 02

Tarikh Kkuatkuasa: 18/05/2020

SENARAI SEMAK SEBUT HARGA**Sila tandakan (✓) bagi dokumen-dokumen yang disertakan.**

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh JK Pembuka Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari CIDB yang masih sah		
2.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah		
3.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan (jika berkaitan) yang masih sah		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran dari CIDB yang masih sah		
5.	Borang Sebut Harga telah diisi dengan lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap), ditandatangani dan cop syarikat		
6.	Ringkasan Sebut Harga telah diisi dengan lengkap, cop syarikat dan ditandatangani		
7.	Jadual Kadar Harga telah diisi dengan lengkap dan ditandatangani (jika berkaitan)		
8.	Borang Maklumat Penyebut Harga		
9.	Kontraktor adalah diwajibkan untuk melampirkan tawaran harga daripada kontraktor panel berpusat perabot bersama-sama dokumen sebutharga ini.		
10.	Penyerahan (jika berkaitan) : <ul style="list-style-type: none">• Jadual Data Teknikal• Katalog / Sampel		
11.	Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan kemudahan kewangan bertulis yang disahkan oleh institusi kewangan (untuk sebutharga melebihi RM200,000.00 sahaja)		
12.	Surat Akuan Pembida		
13.	Surat Akuan Pembida Tidak Mempunyai Kerja Semasa Dan Pematuhan SOP PKP		
14.	Senarai Kontraktor Panel Berpusat Perabot (Zon Tengah)		



UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(A)

No. Semakan: 02

Tarikh Kkuatkuasa: 18/05/2020

SENARAI SEMAK SEBUT HARGA

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:.....

Nama Penuh:.....

Atas sifat:.....

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak:

Meteri atau Cop Kontraktor

Tarikh:.....

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

(1).Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

(2).Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

(3).Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

Dokumen Meja Sebutharga

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**1.0 HAK UKM UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA**

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 LAWATAN TAPAK DAN PEMBELIAN SEBUT HARGA

2.1 Taklimat dan lawatan tapak adalah **tidak diwajibkan** kepada semua penyebutharga. Sekiranya ada keperluan boleh hubungi pegawai / unit berkenaan di nombor berikut:

- i. Nama : Pn Marini Md Din
- ii. No. Telefon : 03 8921 5838
- iii. No. Fax : 03 8921 5051
- iv. Email : marini77@ukm.edu.my

2.2 Seorang wakil yang sah (yang diberi kuasa dengan sepenuhnya) hanya boleh mewakili satu penyebut harga sahaja untuk membeli dokumen sebut harga.

3.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**3.1 Penyediaan Sebut Harga**

Penyebut harga adalah diwajibkan mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya;

- a) Ringkasan Sebut Harga perlu diisi sepenuhnya dan ditandatangani oleh penyebut harga.
- b) Borang Sebut Harga perlu diisi dengan menyatakan harga secara pukat (Lump Sum) dan tempoh masa yang diperlukan untuk melaksanakan kerja. Borang ini perlu ditandatangani oleh penyebut harga dan saksinya.
- c) Pegawai yang menandatangani Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga ini hendaklah Pegawai Syarikat Yang Ditauliahkan seperti yang dinyatakan dalam Sijil Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.
- d) Butir-Butir Spesifikasi (jika ada),
- e) Senarai kerja dalam tangan
- f) Senarai pengalaman kerja
- g) Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk penyata akaun bank untuk 3 bulan yang terkini, deposit tetap, baki nilai kemudahan kredit dan nilai kemudahan kredit yang layak/akan diperolehi oleh penyebut harga daripada institusi kewangan

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas, penyebut harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

Kegagalan pihak penyebut harga dalam melengkapkan perkara (a) hingga (g) di atas boleh mengakibatkan sebut harga ditolak.

3.2 'Integrity Pact'

- a) Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai Syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.
- c) Penyebut harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

3.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan Nombor Sebut Harga serta Tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga.
- b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, penyebut harga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan atas sebab apa sekalipun, tidak akan dipertimbangkan.

3.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam dokumen sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, penyebut harga boleh menghubungi pegawai berikut untuk penjelasan lanjut :

- i. Nama : En. Mohd Hazerdi Ramli
- ii. No. Telefon : 03-8921 3082
- iii. No. Fax : 03-89215051
- iv. Email : hazardi@ukm.edu.my

4.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 4.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 4.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan kerja dengan sempurnanya.

5.0 TEMPOH SIAP KERJA DITETAPKAN

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan selama **4 bulan**.

6.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

7.0 TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sebut harga.

8.0 KAD HIJAU (CIDB)

- 8.1 Semua penyebut harga dan pekerja diwajibkan memiliki Kad Hijau (CIDB). Penyebut harga diwajibkan untuk mengemukakan satu salinan Kad Hijau (CIDB) pemilik syarikat seperti penama di dalam Sijil Pendaftaran PKK bersama – sama dengan Dokumen Sebut Harga ini.
- 8.2 Sekiranya penyebut harga gagal mengemukakan salinan Kad Hijau tersebut, penyebut harga tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

9.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua penyebut harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para penyebut harga diberi peringatan berikut:

- 9.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau member apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 9.4 Mana-mana penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

**** masukkan tempoh maksima yang dibenarkan untuk menyiapkan kerja**

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA KERJA**1. TAFSIRAN**

- 1.1 **Pegawai Penguasa (P.P.)** yang disebutkan dalam syarat-syarat sebut harga ini ialah Pengarah, Prasarana-UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Universiti Kebangsaan Malaysia untuk memikul tanggungjawab Pengarah.
- 1.2 **Wakil-Pegawai Penguasa** ertinya mana-mana orang atau orang-orang yang telah diwakilkan atau dibenarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Penguasa untuk menjalankan mana-mana atau semua kewajipan Pegawai Penguasa.
- 1.3 **Kerja** yang dimaksudkan adalah seperti ditunjukkan dalam Ringkasan Sebut Harga, Spesifikasi dan lukisan-lukisan yang disebut / disertakan.
- 1.4 **Kontraktor** ertinya orang atau orang-orang, perkongsian, firma atau syarikat yang sebutharga untuk kerja telah disetujuterima dan termasuk wakil-wakil peribadi kontraktor, penggantinya dan mana-mana orang atau kumpulan orang lain yang kepadanya kontraktor telah menyerahkan hak yang telah mendapat kelulusan Pegawai Penguasa.

2. KONTRAK

- 2.1 Satu kontrak dikira mengikat di antara Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kontraktor yang disetujuterima sebutharga ini dan tertakluk kepada syarat-syarat sebutharga.
- 2.2 Keseluruhan kerja-kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas meja sebut harga (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Sebut Harga") akan diberi secara kontrak.

3. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan Kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

4. INSURANS

- 4.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.
- 4.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Penguasa berhak mengambil tindakan seperti di bawah fasal 13(d).
- 4.3 Tempoh sahlaku Polisi-polisi insurans hendaklah meliputi tempoh sehingga tiga (3) bulan dari tarikh tamat tempoh Liabiliti Kecacatan yang diperakukan.

5. BON PERLAKSANAAN DAN WANG TAHANAN

- 5.1 Bagi kerja yang kosnya antara RM200,000.00 hingga RM500,000.00 Kontraktor perlu menyediakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% dari harga Sebut Harga dan Kontraktor dibenarkan memilih cara-cara penyediaan seperti berikut:-
 - (i) Wang Jaminan Pelaksanaan iaitu wang yang dikumpul melalui potongan bayaran Sebut Harga.
 - (ii) Jaminan Bank/Insurans/Takaful yang diluluskan.
- 5.2 Bon Pelaksanaan / Wang Tahanan hendaklah ditetapkan sah dan terus sah dan berkuatkuasa bagi tempoh sehingga tiga (3) bulan selepas tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.
- 5.3 Jika Kontraktor tidak melaksanakan Kontrak atau melakukan apa-apa pelanggaran terhadap obligasinya di bawah Sebut Harga ini, Pegawai Penguasa bagi pihak Universiti Kebangsaan Malaysia boleh menggunakan dan membuat bayaran atau potongan daripada Bon Pelaksanaan / Wang Tahanan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya mengikut terma-terma Sebut Harga ini.
- 5.4 Bon Pelaksanaan / Wang Tahanan (atau apa-apa bakinya yang masih ada untuk Kredit Kontraktor) hendaklah dilepaskan atau dipulangkan kepada Kontraktor apabila siap memperbaiki semua kecacatan, kekecutan atau kerosakan-kerosakan lain yang mungkin kelihatan semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan atau setelah diberi Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan bagi seluruh kerja (bagi sebut harga Gred G2).

6. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 6.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.
- *6.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 3.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:
- (i) Suruhanjaya Tenaga
 - (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
 - (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
 - (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
 - (v) Pihak Berkuasa Tempatan

** Potong jika tidak diperlukan*

7. ARAHAN PEGAWAI PENGUASA

- 7.1 Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya yang mutlak, dan dari semasa ke semasa, mengeluarkan pelan-pelan, butir-butir, dan/atau arahan-arahan bertulis selanjutnya (yang kesemuanya sekali kemudian dari ini disebut "arahan P.P." berkenaan dengan :
- (i) Perubahan sebagaimana disebutkan dalam Fasal 17 Syarat-syarat ini;
 - (ii) Pemanduan dan pembaikan apa-apa jua kecacatan di bawah Fasal 18;
 - (iii) Apa-apa perkara yang perlu dan bersampingan dengan pelaksanaan dan penyiapan Kerja di bawah Sebut Harga ini;
 - (iv) Apa-apa perkara yang mengenainya P.P. diberi kuasa secara nyata oleh Sebut Harga ini untuk mengeluarkan arahan.
- 7.2 Kontraktor hendaklah, (tertakluk kepada subfasal 7.3 Syarat ini) dengan serta-merta mematuhi semua arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh P.P. Jika dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima notis bertulis daripada P.P. yang menghendaki pematuhan sesuatu arahan dan Kontraktor tidak pula mematuhi arahan itu, maka P.P. tanpa menjejaskan apa-apa hak dan remedi lain yang ada pada UKM di bawah Sebut Harga ini, boleh mengambil bekerja dan membayar orang-orang lain untuk melaksanakan apa-apa jua kerja yang perlu untuk menyempurnakan arahan itu dan semua kos yang ditanggung berhubungan dengan pengambilan kerja itu hendaklah dituntut daripada Kontraktor oleh UKM atau P.P. bagi pihak UKM sebagai suatu hutang atau pun boleh dipotong oleh UKM daripada mana-mana wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor di bawah Sebut Harga ini.

7.3 Semua arahan yang dikeluarkan oleh P.P. hendaklah secara bertulis. Apa-apa arahan yang dikeluarkan secara lisan tidak boleh terus berkuatkuasa, tetapi hendaklah disahkan secara bertulis oleh Kontraktor kepada P.P. dalam tempoh tujuh (7) hari selepas penerimaan arahan lisan seperti tersebut di atas, dan jika tidak dibantah secara bertulis oleh P.P. kepada Kontraktor dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan pengesahan Kontraktor itu, maka arahan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tamatnya tempoh tujuh (7) hari yang disebut kemudian itu.

7.4 Dengan syarat sentiasanya bahawa jika P.P. dalam tempoh tujuh (7) hari selepas memberi arahan secara lisan itu dengan sendiri mengesahkannya secara bertulis, maka Kontraktor tidaklah diwajibkan memberi pengesahan seperti tersebut di atas, dan arahan tersebut hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh pengesahan P.P. itu.

7.5 Jika pematuhan kepada arahan P.P. sebagaimana tersebut di atas melibatkan perbelanjaan atau kerugian lebih daripada yang dijangka munasabahnya oleh Kontraktor yang mana Kontraktor tidak akan dibayar ganti melalui bayaran yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Sebut Harga ini, maka melainkan jika arahan itu dikeluarkan oleh sebab sesuatu langgaran terhadap Kontrak ini oleh Kontraktor, Kontraktor hendaklah dalam tempoh satu (1) bulan selepas menerima arahan itu, memberi notis secara bertulis tentang cadangannya hendak menuntut perbelanjaan atau kerugian itu kepada P.P. berserta anggaran amaun perbelanjaan dan/atau kerugian tersebut.

8. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima, tanpa sebab-sebab yang munasabah, kontrak akan dibatalkan oleh Pegawai Penguasa dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor sebagaimana dinyatakan dalam Fasal 13 Syarat-syarat ini.

9. SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa.

10. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

10.1 Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawai yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi Spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

10.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.

10.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa atau Wakilnya secara bertulis.

11. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 11.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 11.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos Awalan dan Mobilisasi, pengangkutan, tenaga kerja, peralatan, Wang Jaminan Pelaksanaan, Insuran, penyeliaan dan penyelarasan kerja-kerja kontraktor lain yang dilantik oleh Universiti di tapak kerja yang sama (jika ada), levi, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyediaan Kerja dengan sempurna.
- 11.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Universiti Kebangsaan Malaysia, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh Kerja.
- 11.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penguasa tentang kemunasabahnya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Pesanan Rasmi Kerja dikeluarkan.
- 11.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 11.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Pesanan Rasmi Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 11.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

12. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 12.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 12.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan.

13. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

13.1 Pegawai Penguasa berhak membatalkan Pesanan Rasmi sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Penguasa:

- a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan Kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

13.2 Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, maka Pegawai Penguasa boleh memberi kepadanya suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah hantaran yang direkodkan menyatakan kemungkiran itu, dan jika Kontraktor sama ada meneruskan kemungkiran itu selama tujuh (7) hari selepas penerimaan notis itu atau pada bila-bila masa selepas itu mengulangi kemungkiran itu (sama ada pernah diulangi dahulunya atau tidak), maka Pegawai Penguasa boleh dengan demikian melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantar yang direkodkan menamatkan pengambilan kerja Kontraktor dibawah Sebut Harga ini.

13.3 Dalam hal sekiranya pengambil kerja kontraktor ditamatkan dibawah kontrak ini mengambil fasal 13.1 (a) hingga (e) Universiti Kebangsaan Malaysia berhak:

- i) Menarik semula tapak bina dan mengarahkan kontraktor memberhentikan kerja di tapak;
- ii) Menahan apa-apa jua bayaran kepada kontraktor;
- iii) Melantik kontraktor lain atau mana - mana pihak ketiga untuk menyiapkan baki kerja yang ditinggalkan. Kontraktor asal yang telah ditamatkan kerjanya tersebut adalah bertanggungjawab menanggung sebarang kos tambahan yang terbit daripadanya serta ditambah kos penyeliaan 15%.

14. BAYARAN KERJA

14.1 Bayaran atas kerja yang telah dilaksanakan akan dibuat seperti berikut:-

- (i) Bayaran sepenuhnya iaitu setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurna; **atau**
- (ii) Bayaran berperingkat tertakluk kepada maksima dua (2) kali bayaran bagi sebut harga yang tempoh siapnya melebihi satu (1) bulan tetapi tidak melebihi dua (2) bulan. Bayaran pertama akan dibuat apabila kemajuan kerja mencapai sekurang-kurangnya 50% dari nilai Sebutharga atau satu (1) bulan, yang mana lebih awal. Manakala bayaran kedua adalah merupakan bayaran akhir; **atau**
- (iii) Bagi Sebutharga yang tempoh penyiapannya melebihi dua (2) bulan, bayaran kemajuan secara Bayaran Interim akan dibuat sehingga semua kerja disiapkan. Bayaran terakhir kepada kontraktor hendaklah dianggap sebagai perakuan bayaran muktamad kepada kontraktor atas keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan.

15. LANJUTAN MASA

- 15.1 Sekiranya kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, Lanjutan Masa boleh diberikan kepada kontraktor tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga dan sebab kelewatan bukan berpunca daripada kelewatan di pihak kontraktor.
- 15.2 Bila dijangka kerja tidak dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan, kontraktor perlu mengemukakan permohonan Lanjutan Masa menggunakan Borang yang ditetapkan (rujuk pautan di bawah) selewat-lewatnya 2 minggu sebelum tarikh siap kerja.

<http://www.ukm.my/bendahari/borang/perolehan/UKM-SPKP-BEN-PK02-BO01%20%20Borang%20Permohonan%20Lanjut%20Masa%20Pesanan%20&%20Kontrak.doc>

16. GANTIRUGI KERANA TAK SIAP

- 16.1 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap dalam tempoh masa yang telah ditetapkan atau tempoh lanjutan masa yang diberikan, denda sebagai gantirugi kerana tidak siap kerja akan dikenakan sebagaimana formula di bawah :

$$\frac{\text{Prime Rate (PR)} \times \text{Harga Kontrak}}{365 \text{ hari}} = \text{kadar denda sehari}$$

Perakuan Kerja Sebut Harga Tidak Siap hendaklah dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di bawah Syarat ini.

- 16.2 Gantirugi akan dikenakan sehingga semua kerja disiapkan atau Sijil Perakuan Siap Kerja Sebutharga dikeluarkan. Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak memotong denda gantirugi ini dari apa-apa wang yang akan dibayar kepada Kontraktor.

17. KERJA PERUBAHAN

- 17.1 Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Penguasa boleh membatalkan sebut harga ini.

- 17.2 Semua kerja perubahan dan / atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti / Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa dan kontraktor hendaklah digunakan.

18. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN

18.1 Kontraktor disyaratkan supaya bertanggungjawab untuk memperbaiki segala kerosakan dalam tempoh masa kecacatan yang disebabkan mutu bahan binaan atau kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Sebut Harga adalah seperti di bawah bermula dari tarikh kerja diperakukan siap :

- (a) Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikl - dua belas (12) bulan.
- (b) Bagi kerja-kerja selain kerja-kerja mekanikal dan elektrikl yang kosnya antara RM20,001.00 hingga RM200,000.00 - dua belas (12) bulan.
- (c) Bagi kerja-kerja selain kerja-kerja mekanikal dan elektrikl yang kosnya melebihi RM200,000.00 - dua belas (12) bulan.

18.2 Dalam tempoh ini kontraktor dikehendaki membaiki sebarang kecacatan yang mungkin ada dengan seberapa segera tetapi tidak lewat dari empat belas (14) hari selepas diberitahu oleh Pegawai Penguasa.

18.3 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempumaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati Sebutharga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Penguasa dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempumaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.

18.4 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempumaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Penguasa berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor, atau jika baki itu tiada atau tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

19. PERAKUAN SIAP KERJA

Bagi Sebutharga Gred G2 & G3, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya tempoh tanggungan kecacatan.

20. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Bagi Sebutharga Gred G2 & G3, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempumaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

21. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

22. TINDAKAN TATATERTIB

22.1 Apabila Kontraktor enggan menerima Sebut Harga setelah ditawarkan kepadanya, selaras dengan keputusan yang telah dibuat, ataupun Kontraktor menarik diri dalam tempoh sah laku tawaran, atau mengemukakan maklumat palsu, atau gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima, tanpa sebab-sebab yang munasabah, pendaftaran Kontraktor akan digantung selama tiga (3) bulan untuk sebarang penyertaan Sebut Harga di UKM bagi kesalahan pertama dan enam (6) bulan bagi kesalahan kedua kalinya dan bagi kesalahan yang ketiga selama satu (1) tahun.

22.2 Bagi Kontraktor yang ditamatkan pengambilan kerja Kontraktor akan sebab-sebab seperti di Fasal 13, pendaftaran Kontraktor akan digantung selama satu (1) tahun untuk sebarang penyertaan Sebut Harga di UKM atau suatu tempoh yang ditetapkan oleh Agensi Pusat seperti Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kewangan atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

23. JUMLAH HARGA SEBUT HARGA

23.1 Jumlah harga sebut harga ialah jumlah harga yang dicatatkan didalam Borang Sebut Harga atau lain-lain jumlah wang yang dibenarkan menurut syarat-syarat sebut harga ini.

23.2 Jika terdapat perbezaan di antara jumlah didalam Ringkasan Sebut Harga dengan jumlah yang dibawa ke Borang Sebut Harga maka jumlah harga sebut harga yang akan diambilkira ialah jumlah yang dinyatakan didalam Borang Sebut Harga tersebut. Sekiranya berlaku kesilapan antara jumlah dalam perkataan dengan jumlah berangka maka jumlah dalam perkataan hendaklah diambilkira.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN GARIS PANDUAN KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA BAGI PROJEK PEMBINAAN DALAM TEMPOH PANDEMIK COVID-19**


1. SOP ini adalah bertujuan untuk memastikan kontraktor mematuhi undang – undang dan akta – akta berkaitan pandemik covid-19 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan akta – akta berkaitan.
2. Kerja pembinaan/Perkhidmatan/Bekalan boleh diberhentikan serta merta dan apa-apa tindakan sewajarnya termasuk pengantungan atau pembatalan pendaftaran kontraktor/ syarikat boleh diambil terhadap kontraktor/syarikat sekiranya kontraktor/ syarikat gagal mematuhi SOP yang ditetapkan.
3. Kontraktor/syarikat hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 di Tapak Bina dan Garis Panduan Operasi Centralised Labour Quarters (CLQ) dan Penginapan Pekerja Binaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan, termasuk apa-apa garis panduan lain yang dikeluarkan oleh CIDB, syarat-syarat yang ditetapkan dalam SOP ini dan prosedur operasi standard/garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi berkaitan.
4. **Semua pekerja dan majikan warga tempatan dan asing WAJIB menjalani Ujian Makmal Covid-19 dan disahkan bebas Covid-19 sebelum dibenarkan memulakan kerja.** Hanya pekerja yang disahkan bebas Covid-19 sahaja dibenarkan bekerja. Mana-mana pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah segera diasingkan dan dibawa untuk saringan Covid-19.
5. Kontraktor/syarikat hendaklah menyesuaikan bilangan pekerja di tapak bina bagi membolehkan penjarakan sosial dipatuhi. Oleh yang demikian Kontraktor atau syarikat digalakkan –
 - a) melaksanakan pengurusan risiko, penjadualan kerja dan pengagihan pekerja secara “sequence” atau “staggered” mengikut skop kerja yang akan dilaksanakan; dan
 - b) mewujudkan sistem bekerja dari rumah yang sesuai bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/premis.
6. Kontraktor hendaklah melantik atau mengadakan seorang atau lebih penyelaras bagi memastikan pematuhan langkah- langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja.
7. Kontraktor adalah diwajibkan untuk melakukan proses nyah cemar atau nyah kuman (sanitization) di kawasan guna sama di tapak bina/ruang kerja sebanyak 1 kali sebaik sahaja projek disiapkan. Proses nyah cemar juga adalah diwajibkan dilakukan sekiranya berlaku kes jangkitan positif covid-19 di kalangan pekerja kontraktor. Proses ini boleh dilaksanakan sendiri oleh kontraktor dengan merujuk Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
8. Kontraktor perlu menyediakan kenderaan pengangkutan, jika berkenaan, bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan penjarakan sosial serta memastikan penjarakan sosial dipatuhi semasa penggunaan kenderaan. Kontraktor juga perlu menjalankan proses nyah kuman setiap kali selepas kenderaan digunakan. Proses nyah kuman ini mesti direkodkan untuk tujuan pemeriksaan.

9. Kontraktor perlu memantau pergerakan pekerja dengan menghadkan pergerakan pekerja dari penginapan ke tapak bina/premis sahaja.
10. Kontraktor perlu memantau dan merekodkan pergerakan bahan binaan/bekalan yang dibawa masuk ke tapak bina atau premis. Pemandu/pembawa bahan/bekalan perlu diambil suhu badan dan direkodkan. Hand sanitizer perlu disediakan dan digunakan.
11. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh Kontraktor di pintu masuk tapak/premis setiap hari sebelum memulakan kerja:
 - a) Merekod dan mengisytiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis;
 - b) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dan direkod;
 - c) Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis;
 - d) Menghalang mana-mana pihak yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 daripada masuk ke tapak bina/premis;
 - e) Bagi mereka yang didapati mempunyai gejala semasa pemeriksaan sebelum masuk ke tapak bina/premis diasingkan dan dihantar untuk rawatan; dan
 - f) Menyediakan hand sanitizer atau tempat cuci tangan.
12. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kontraktor semasa kerja – kerja pembinaan dilaksanakan:
 - a) Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja;
 - b) Mengawal pergerakan keluar masuk;
 - c) Memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara pekerja) diamalkan;
 - d) Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama;
 - e) Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimakan;
 - f) Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi penjarakan sosial;
 - g) Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul;
 - h) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut (face mask) dan memastikan mereka sentiasa memakainya;
 - i) Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun;
 - j) Melaksanakan proses nyah cemar di pejabat/premis; dan
 - k) Pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah seger diasingkan dan dibawa ke klinik/hospital berhampiran untuk saring Covid-19.
13. Pihak kontraktor perlu memastikan tandas yang digunakan oleh pekerja adalah bersih dengan melakukan proses nyah cemar secara kerap dan berjadual serta direkodkan.
14. Berikut adalah senarai rekod yang perlu disediakan oleh kontraktor:
 - a) Mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan:
 - i) Kehadiran pekerja;
 - ii) Saringan kesihatan;
 - iii) Pergerakan pekerja; dan
 - iv) Butiran peribadi pekerja.
 - b) Menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i) Pembersihan lain-lain kawasan tapak bina/premis.

- c) Menyediakan rekod pengurusan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i) Pengurusan risiko;
 - ii) Pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barangan dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang berurusan;
 - iii) Pemeriksaan oleh pihak berkuasa; dan
 - iv) Hebahan dan kesedaran.

15. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berkaitan SOP Covid-19, sila hubungi CIDB Careline 1-300-88-2432 (8 pagi – 5.30 petang), www.cidb.gov.my.

Dokumen Meja Sebutharga

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(E)	No. Semakan: 02	Tarikh Kkuatkuasa: 18/05/2020
	BORANG SEBUTHARGA KERJA		

No. Sebutharga	UKM/JPP/A/SH- 32/2020
-----------------------	------------------------------

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 Bangi, SELANGOR DARUL EHSAN.

Tuan,

Sebut harga untuk **PROJEK PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE 2020) : CADANGAN UBAHSUAI RUANG SEDIADA DAN RUANG TAMBAHAN DI INSTITUT ISLAM HADHARI, UKM BANGI (PAKEJ 1)**. Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukat sebanyak Ringgit Malaysia:

.....
(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu selama **4 Bulan** dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.

Bertarikh padaharibulan..... 20....

Tandatangan:.....

Tandatangan Saksi:.....

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....
.....

.....
.....


Atas sifat:.....

Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak:

.....
Meteri atau Cop Kontraktor

Tarikh:.....

No. Telefon :.....

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(G)	No. Semakan: 02	Tarikh Kuatkuasa: 18/05/2020
	SPEKIFIKASI		


1. Kecuali jika selainnya dinyatakan, Kontraktor hendaklah mematuhi 'Spesifikasi Piawai Untuk Kerja-kerja Binaan Bangunan' yang diterbitkan oleh Jabatan Kerja Raya Semenanjung Malaysia, didalam melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja di dalam sebut harga ini, di mana berkenaan.

Spesifikasi piawai tersebut boleh diperolehi di pautan berikut:

http://www.jkr.gov.my/var/files/File/berita/2005_PWDSpec.pdf

2. Spesifikasi Tambahan (jika ada : nyatakan)

Dokumen Meja Sebutharga

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(F)	No. Semakan: 00	Tarikh Kuatkuasa: 01/01/2018
	RINGKASAN SEBUT HARGA		

TAJUK KERJA : CADANGAN UBAHSUAI DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT ISLAM HADHARI, KOMPLEKS TUN ABDULLAH MOHD SALLEH, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

NO. SH : UKM/JPP/A/SH- 32/2020

Nota kepada penyebut harga


Anggaran kuantiti bagi sebut harga ini adalah untuk memudahkan penyebut harga meletakkan harga. Adalah tanggungjawab penyebut harga untuk menentukan kuantiti sebenar bagi skop kerja sebagaimana yang dikehendaki dalam Lukisan dan Spesifikasi kerja.

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Lukisan, Spesifikasi, dan Skop kerja yang tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran di dalam Ringkasan Sebut Harga ini.

Penyebut harga juga tidak dibenarkan menuntut sebarang tambahan harga jika terdapat kesilapan / percanggahan di antara senarai kuantiti dan lukisan sebut harga ini.

Penyebut harga adalah digalakkan melawat tapak terlebih dahulu dengan mematuhi SOP yang ditetapkan dengan kos tanggungan sendiri sebelum menghargakan Ringkasan Sebut Harga ini.

Adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA The National University of Malaysia	UKM-SPKP-JPP-PK01-BO03(F)	No. Semakan: 00	TARIKH Kuasa: 01/01/2018
	RINGKASAN SEBUT HARGA		

TAJUK KERJA : **CADANGAN UBAHSUAI DAN NAIKTARAF RUANG PEJABAT ISLAM HADHARI, KOMPLEKS TUN ABDULLAH MOHD SALLEH, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.**

NO. SH : **UKM/JPP/A/SH- 32/2020**

BIL	PERKARA	DARI M/S	JUMLAH (RM)
1	BAHAGIAN A : KERJA AWALAN		
2	BAHAGIAN B : KERJA ARKITEK	B/11	
3	BAHAGIAN C : KERJA AWAM	C/5	
4	BAHAGIAN D : RINGKASAN KERJA ELEKTRIK	D/1	
5	BAHAGIAN E : KERJA MEKANIKAL	M/3	
6	BAHAGIAN F : KERJA ICT	F/3	
7	BAHAGIAN G : KERJA PERABOT	G/3	
8	BAHAGIAN H : WPS	H/1	
JUMLAH DI BAWA KE BORANG SEBUT HARGA			

TEMPOH KERJA YANG DITETAPKAN SELAMA 4 BULAN

.....
(Tandatangan & Cop Syarikat)

.....
(Tandatangan & Cop Syarikat)

Nama :

.....

Atas sifat :

.....

No. Telefon :

.....

BAHAGIAN A : KERJA AWALAN

No.	PERKARA
1	<p>BAHAGIAN A : KERJA AWALAN</p> <p>Kontraktor dikehendaki melawat tapak bina dan meneliti semua perkara sebelum menghargakan Sebut Harga. Sekiranya terdapat kerja-kerja yang perlu tetapi tidak dinyatakan di dalam Lukisan atau Dokumen Sebut Harga, maka kontraktor dianggap telah menghargakan kerja tersebut. Selain itu, harga kontraktor juga adalah merangkumi kerja-kerja yang sepatutnya ada berdasarkan Lukisan Sebut Harga dan Spesifikasi seperti menyediakan mock up unit, sampel dan ujian. Segala perbelanjaan berkenaan kepatuhan kepada Akta seperti OSHA (Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan), Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 juga adalah atas tanggungan pihak Kontraktor.</p> <p>Kerja-kerja awalan ini hendaklah termasuk menyediakan segala peralatan, bahan, mesin, tenaga kerja, insuran, penyeliaan, penyediaan dokumen kontrak minima empat (4) set, setem duti, jalan masuk dan kerosakan kepada jalan sediaada, penyambungan/penyediaan kepada bekalan elektrik dan air, papan tanda projek, hoarding, pengawasan keselamatan, diari tapak serta kemudahan sementara yang diperlukan dalam spt. pejabat tapak, tandas sementara, stor dan lain-lain keperluan khas. Harga hendaklah termasuk kos mengemaskini dan membaikpulih segala kerja yang tertangguh dan termusnah termasuk membuang sampah lebihan, menyediakan tong roro dan lain-lain sebagaimana yang diarahkan.</p> <p>Kontraktor yang berjaya perlu menyediakan laporan kemajuan, program kerja dan gambar semasa setiap kali mesyuarat tapak (5 salinan berwarna). Selain itu, kontraktor juga perlu menyediakan seorang wakil syarikat yang kompeten untuk respon kepada semua arahan yang diberi dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Penalti dan denda akan dikenakan sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian.</p> <p>Kontraktor yang berjaya diminta menyediakan gambar sebelum, semasa dan selepas projek dilaksanakan. Gambar tersebut hendaklah dibuat dalam tiga (3) salinan meliputi gambar sebelum, semasa dan selepas. Bilangan gambar yang disediakan hendaklah tidak kurang dari 10 keping bagi setiap set salinan di mana kos penyediaan gambar adalah di bawah tanggungan kontraktor.</p> <p>Kontraktor perlu menyediakan dokumen penyerahan yang merangkumi senarai inventori, Lukisan as-built (Arkitek, Awam, Elektrikal & Mekanikal), katalog dan laporan pengujian seperti yang diarahkan bagi kerja yang berkaitan. Sebarang tuntutan untuk bayaran tambahan tidak akan dipertimbangkan kerana kelalaian kontraktor meneliti arahan ini</p>

BIL	KETERANGAN	UNIT	QTY.	HARGA	JUMLAH (RM)
	<p><u>BAHAGIAN B : KERJA ARKITEK</u></p> <p><u>KERJA UBAHSUAI</u></p> <p>A <u>KERJA MEMINDAH BARANG / PERALATAN / PEPASANG</u></p> <p>Kerja membuka, mengalih dan menghantar barang-barang atau peralatan milik UKM termasuk sebarang perabot / papasang dan sebagainya bagi mengelakkan / mengganggu kerja yang dijalankan tanpa sebarang kerosakan seperti yang diarahkan ke lokasi yang telah di ditetapkan.</p>	LS			
	Jumlah dibawa ke muka surat sebelah				

BIL	KETERANGAN	UNIT	QTY.	HARGA	JUMLAH (RM)
	Jumlah dibawa dari muka surat sebelah				
B	<u>KERJA MEMECAH, MENANGGAL DAN MENGGANTI BAHARU</u>				
1	Kerja-kerja membuat bukaan / membuka dinding / pintu / tingkap sedia ada termasuk mengangkut keluar, membuang bahan-bahan yang tidak diperlukan tersebut keluar dari kawasan UKM, serta membaiki kecacatan disebabkan kerja tersebut dan menyediakan bukaan untuk menerima pintu / tingkap baharu.	LS			
2	Kerja-kerja membuka siling sedia ada termasuk mengangkut keluar, membuang bahan-bahan yang tidak diperlukan tersebut keluar dari kawasan UKM, serta membaiki kecacatan disebabkan kerja tersebut dan menyediakan permukaan untuk menerima pemasangan kemas siling baharu.	LS			
3	Kerja-kerja menyediakan permukaan kemas lantai lama serta membaiki mana-mana kecacatan untuk menerima pemasangan kemas lantai baharu.	LS			
4	Kerja-kerja membaiki kecacatan pada lantai sedia ada, membersihkan, mengkilapkan semula, mengangkut keluar, membuang bahan-bahan yang tidak diperlukan tersebut keluar dari kawasan UKM dan sebagainya.	LS			
5	Kerja-kerja membuka signage 'INSTITUT ISLAM HADHARI' dan 'BILIK LATIHAN JABATAN PENDAFTAR' sedia ada, mengecat baharu serta memindah ke lokasi yang diarahkan.	LS			
	Jumlah dibawa ke muka surat sebelah				

BIL	KETERANGAN	UNIT	QTY.	HARGA	JUMLAH (RM)
	Jumlah dibawa dari muka surat sebelah				
C	<u>KEMASAN BUMBUNG</u>				
